



JABATAN SEKOLAH
(SCHOOLS DEPARTMENT)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)
PARAS 7, BLOK J (UTARA)
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR

Tel : (6) 03-2563121
(6) 03-2506900
Fax : (6) 03-2535150

KP(BS)8502/15/006/(22)

16 November 2000

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan,

Pelaksanaan Kelas-Kelas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil
Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Menengah

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Akta Pendidikan 1996 Perkara 2 membenarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diajar sebagai mata pelajaran pilihan kepada murid-murid sekiranya terdapat 15 orang ibu bapa atau lebih memohon supaya bahasa itu diajar.

3. Sehubungan dengan itu semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Guru Besar dan Pengetua hendaklah memastikan pelaksanaan kelas-kelas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dijalankan dengan lancar di peringkat sekolah sebaik sahaja tahun persekolahan bermula hingga hari akhir persekolahan bagi setiap tahun.

4. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah rendah (Sekolah Kebangsaan) bermula dari Tahun 3 manakala di sekolah menengah bermula dari Kelas Peralihan. Masa pengajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dalam satu minggu adalah seperti berikut :-

3.1 Kelas-Kelas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di SK dan SM

Tahun 3 – 6	-	120 minit seminggu
Kelas Peralihan	-	160 minit seminggu
Tingkatan 1 – 5	-	120 minit seminggu

3.2 Kelas-Kelas Bahasa Cina di SM 'Conforming'

Kelas Peralihan	-	200 minit seminggu
Tingkatan 1 – 5	-	200 minit seminggu

5. Kadar bayaran elaun bagi guru-guru Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.
- 5.1 Kadar bayaran elaun bagi guru-guru Bahasa Cina dan Bahasa Tamil adalah berdasarkan Pekeliling Kewangan dan Akaun bil. 5/1980 (KP.1573/49/Jld.3/(121) bertarikh 9 Julai 1980 :
- (a) Ijazah atau dari Kumpulan A - RM25.00 sejam.
- (b) Tanpa Ijazah selain dari Kumpulan A - RM20.00 sejam.
- 5.2 Pembayaran elaun ini hanya boleh dibuat jika sesuatu kelas mengandungi sekurang-kurangnya 15 orang pelajar atau lebih.
- 5.3 Kadar ini pula tidak diambil kira di peringkat mana seseorang guru itu mengajar.

6. Bagi sekolah-sekolah yang mempunyai guru Bahasa Cina/Tamil yang mencukupi, bolehlah memasukkan mata pelajaran tersebut ke dalam jadual waktu harian sekolah.


7. Semua Jabatan Pendidikan Negeri dikehendaki mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Di samping itu dari semasa ke semasa hendaklah melengkapkan borang-borang berikut dan kembalikan kepada Bahagian Sekolah (u.p. KPP Rendah) mengikut jadual-jadual yang ditetapkan :-

- 6.1 Borang BC/BT-SK.1, BC/BT-SM.1, BC/BT-SM.2
Bulan Januari, Mac, Mei, Julai dan September
- 6.2 Borang BC/BT-SK.2 dan BC/BT-SM.3
Bulan Mac dan Julai.

7. Sila maklumkan kandungan surat ini kepada semua Pegawai Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datuk/tuan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia